



PROTES KAZAKHSTAN KUKUHKAN RUSIA

Susulan keruntuhan Kesatuan Soviet pada tahun 1991, Kazakhstan muncul sebagai sebuah negara baharu di Asia Tengah yang dipimpin oleh Nursultan Nazarbayev sebagai presiden pertama hingga tahun 2019.

Nursultan Nazarbayev ialah bekas anggota politburo Parti Komunis Kazakhstan yang mempunyai hubungan rapat dengan Presiden Rusia, Vladimir Putin.


Secara umumnya, walaupun dianggap sebagai negara demokrasi, namun Kazakhstan dikritik dalam kalangan negara Barat dan kumpulan hak asasi manusia kerana pelaksanaan sistem politik autoritarian.

Namun demikian, di bawah pentadbiran Nursultan Nazarbayev,

Kazakhstan menjadi negara bekas Kesatuan Soviet paling stabil di Asia Tengah dan dianggap sebagai "autokrasi yang stabil".

Apabila Nursultan Nazarbayev bersara pada tahun 2019, kedudukan beliau digantikan oleh orang kepercayaannya, iaitu Kassym-Jomart Tokayev yang telah berkhidmat sejak awal kepimpinan Nursultan Nazarbayev.

Sewaktu Nursultan Nazarbayev memulakan tugas sebagai presiden, Kassym-Jomart Tokayev merupakan penasihatnya dan mempunyai



Nursultan Nazarbayev, bekas Presiden Kazakhstan.

pengalaman yang luas berkaitan dengan urusan dalam dan luar negara.

Kassym-Jomart Tokayev pernah berkhidmat di Kementerian Luar Soviet dengan menyertai Divisyen Timur Jauh serta pernah bertugas di Kedutaan Rusia di Beijing sekitar tahun 1980-an.

Pada tahun 1999, Kassym-Jomart Tokayev dilantik sebagai perdana menteri dan menteri luar pada tahun 2002. Beliau juga bertanggungjawab untuk memperbaiki hubungan antara Kazakhstan dengan tiga negara penting tetapi saling berbeza kepentingan, iaitu Rusia, China dan Amerika Syarikat (AS).

Kassym-Jomart Tokayev kerap bertemu dengan pihak AS dalam usaha untuk menjernihkan imej Kazakhstan yang dikaitkan dengan warisan komunis Kesatuan Soviet.

Walaupun telah bersara sebagai presiden, namun pengaruh Nursultan Nazarbayev dilihat masih kukuh dan berkuasa dalam kerajaan kerana faktor jawatannya sebagai Pengerusi Majlis Keselamatan Kazakhstan.

Kestabilan yang selama ini menjauhkan Kazakhstan daripada perhatian antarabangsa berubah drastik pada 2 Januari lalu apabila

satu protes terhadap kenaikan harga barang api tercetus.

Protes itu bermula di Zhanaozen, iaitu bandar yang terletak di barat Kazakhstan yang menjadi hab pengeluaran minyak. Bandar itu juga pernah menyaksikan pertempuran antara kumpulan protes dengan polis kira-kira 10 tahun lalu tetapi dalam skala yang kecil dan terkawal.

Protes tercetus apabila kerajaan bertindak memansuhkan harga siling bahan api, sekali gus menyebabkan komoditi itu terutamanya gas petroleum cecair (LPG) mengalami kenaikan harga sehingga dua kali ganda. Kenaikan harga LPG merupakan satu bentuk tekanan kepada rakyat Kazakhstan yang rata-ratanya berpendapatan kecil dan sederhana.

Golongan rakyat Kazakhstan ini telah mengubah suai kenderaan bagi membolehkan mereka menggunakan LPG sebagai bahan api kerana harganya yang murah berbanding dengan petrol. LPG juga dianggap sinonim dengan golongan miskin.

Walaupun Kazakhstan merupakan negara Asia Tengah paling kaya dari segi pendapatan per kapita, tetapi hakikatnya, separuh daripada rakyatnya tinggal di kawasan luar bandar dan komuniti terpinggir dengan akses perkhidmatan awam yang mundur.

Dengan populasi sekitar 19 juta, jutaan rakyat Kazakhstan masih hidup di bawah paras kemiskinan, manakala kekayaan negara hanya berlegar dalam kalangan kerabat pemerintah dan kenalan rapat. Bagi pihak kerajaan pula, harga LPG yang rendah menyebabkan bahan api itu berdepan masalah kekurangan bekalan dan perlu dinaikkan harga.

Walaupun kerajaan menggunakan alasan bahawa tindakan memansuhkan harga siling bahan api sebagai langkah "penswastan" yang dianggap baik tetapi berbeza pula bagi rakyat yang melihat "penswastan" sebagai langkah untuk memastikan kepentingan syarikat separa kerajaan yang dipengaruhi oleh elemen kronisme dan nepotisme terus kekal memonopoli sumber asli negara.

Hakikatnya, kenaikan harga LPG bukanlah punca tunggal terhadap protes yang berlaku. Sebaliknya dianggap sebagai kemuncak

KENAIKAN HARGA LPG BUKANLAH PUNCA TUNGGAL TERHADAP PROTES YANG BERLAKU. SEBALIKNYA DIANGGAP SEBAGAI KEMUNCAK DARIPADA RANTAIAN KEMELUT DALAM KALANGAN RAKYAT YANG BERHADAPAN DENGAN PELBAGAI MASALAH.



CSTO merupakan pakatan ketenteraan yang dianggotai enam negara terpilih, iaitu Rusia, Kazakhstan, Belarus, Tajikistan, Kyrgyzstan dan Armenia yang ditubuhkan selepas kejatuhan Kesatuan Soviet.

daripada rantai kemelut dalam kalangan rakyat yang berhadapan dengan pelbagai masalah seperti korupsi, kesenjangan pendapatan yang luas, pengangguran, tekanan ekonomi sehinggalah situasi semakin rumit dengan kemunculan pandemik COVID-19.

Bermula di Zhanaozen, protes itu kemudian merebak ke seluruh negara tanpa penyertaan jelas daripada pihak pembangkang atau mana-mana parti politik. Protes yang dilancarkan berubah menjadi ganas apabila terdapat segelintir peserta yang bertindak menyerang bangunan kerajaan dan lapangan terbang di Almaty yang merupakan bandar terbesar di Kazakhstan. Turut menjadi sasaran ialah tugu Nursultan Nazarbayev yang dilempar dengan kotoran oleh kumpulan protes.

Dalam usaha untuk mengawal protes daripada terus memburuk, kerajaan menangguk tindakan menaikkan harga LPG dan

mengarahkan harga bahan api semua kenderaan diselaraskan dalam tempoh enam bulan.

Kassym-Jomart Tokayev turut bertindak memecat menteri yang dianggap gagal melaksanakan tugas penting seperti memastikan kadar inflasi terkawal. Namun begitu, pengumuman tersebut gagal meredakan kumpulan protes.

Protes tersebut mendapat kecaman keras Kassym-Jomart Tokayev yang menuduh wujud penyertaan daripada kumpulan militan Islam yang memperoleh latihan dari luar negara. Beliau turut melabel kumpulan protes sebagai pengganas dan perompak serta memberikan kebenaran kepada pihak keselamatan untuk menembak mati mereka tanpa sebarang amaran.

Walaupun situasi dilihat agak reda tetapi Kassym-Jomart Tokayev meneruskan usaha memburu kumpulan protes yang disyaki

pengganas. Hal ini dikatakan demikian kerana, beliau percaya protes itu bertujuan menggulingkan pemerintahannya yang didalangi oleh pihak dari dalam dan luar negara yang belum dikenal pasti.

Bagi mengelakkan maklumat konflik tersebut tersebar ke seluruh dunia, pihak kerajaan mengarahkan rangkaian Internet di seluruh Kazakhstan ditutup selama lima hari sebelum disambung semula pada 10 Januari lalu.

Walaupun matlamat itu tercapai, tetapi aktiviti perlombongan mata wang digital Bitcoin negara Kazakhstan turut terjejas dan jatuh lebih 10 peratus. Kazakhstan merupakan negara kedua terbesar dalam aktiviti perlombongan Bitcoin selepas AS.

Apabila protes meningkat dengan penyertaan rakyat yang lebih luas serta kebimbangan berlaku penggulingan kuasa, Kassym-Jomart Tokayev meminta bantuan kuasa

penting rantau itu, iaitu Rusia untuk mengerahkan tentera bagi mengawal keadaan. Permintaan itu mendapat reaksi Presiden Rusia, Vladimir Putin yang bersetuju untuk mengerahkan tentera ke Kazakhstan.

Dalam satu ulasan untuk menjustifikasi pengerahan tentera ke Kazakhstan, Vladimir Putin mendakwa wujud campur tangan asing dan risiko kewujudan satu lagi "revolusi warna" sehingga mampu menggugat kestabilan bukan sahaja negara tetapi juga seluruh rantau tersebut.

Istilah "revolusi warna" yang dipetik Vladimir Putin merujuk kepada revolusi yang pernah berlaku di Ukraine yang merupakan bekas Kesatuan Soviet.

Sindiran istilah itu digunakan oleh Vladimir Putin tatkala Rusia mengadakan rundingan dengan AS di Geneva berhubung ketegangan yang berlaku di Ukraine. Dalam rundingan tersebut, Moscow menuntut perjanjian keselamatan baharu dengan Washington ke atas Ukraine, atau sebaliknya menghadapi tindakan yang keras.

Bagi mengukuhkan alasan, Vladimir Putin menegaskan tindakan yang diambil untuk menghantar tentera ke Kazakhstan merupakan kali pertama dan dilaksanakan bawah autoriti Pertubuhan Perjanjian Keselamatan Kolektif (CSTO). Bawah CSTO pimpinan Rusia, sebanyak 2500 tentera telah dikerahkan ke Kazakhstan.

Dalam satu kenyataan, pihak CSTO mengesahkan tentera yang dikerahkan ialah tentera pengaman demi melindungi kepentingan kedua-dua negara seperti projek pembinaan saluran paip gas serta pangkalan tentera dan stesen angkasa milik Rusia di Baikonur.

Tanpa menafikan kemungkinan wujud campur tangan secara langsung atau tidak langsung dalam krisis di Kazakhstan, sebarang spekulasi untuk mengabsahkan tindakan sadis pemerintah terhadap kumpulan protes tidak boleh diterima.

Hingga 15 Januari lalu, Kazakhstan melaporkan bahawa protes aman telah bertukar ganas sehingga mengorbankan sebanyak 225 orang, darurat terpaksa diisytiharkan dan mengundang kerahan tentera pimpinan Rusia. Menurut wakil pihak pendakwa raya kerajaan, iaitu Serik Shalabayev, 19 kematian melibatkan pegawai penguatkuasa undang-undang dan tentera.

Jurucakap Kementerian Kesihatan Kazakhstan, Asel Artakshinova pula mengesahkan lebih 2600 rakyat yang terlibat dengan protes itu telah tercedera serta dirawat di hospital, manakala 67 mangsa berada dalam keadaan kritikal.

Protes yang berlaku turut mendedahkan hubungan retak menanti belah antara Kassym-Jomart Tokayev dan Nursultan Nazarbayev.

Tatkala ada yang menyebut Nursultan Nazarbayev berundur daripada jawatan Pengerusi Majlis Keselamatan Kazakhstan untuk meredakan kemarahan kumpulan protes, wujud pula pandangan yang sebaliknya.

Hal ini dikatakan demikian kerana, dilaporkan Kassym-Jomart Tokayev telah memecat Nursultan

Nazarbayev daripada jawatan itu dan hingga kini, bekas presiden itu belum membuat sebarang kemunculan dalam mana-mana media massa.

Hubungan keruh itu semakin jelas apabila Kassym-Jomart Tokayev telah memecat Karim Masimov, iaitu Ketua Agensi Perisikan Domestik Kazakhstan sebelum menahannya atas tuduhan membelot.

Tuduhan tersebut dibuat berdasarkan laporan Jawatankuasa Keselamatan Negara (KNB) yang membuat siasatan berhubung dakwaan pembelotan yang berlaku.

Sama seperti Kassym-Jomart Tokayev, Karim Masimov juga merupakan orang kepercayaan Nursultan Nazarbayev. Sewaktu Nursultan Nazarbayev menjadi presiden, Karim Masimov telah dua kali dilantik sebagai perdana menteri, pernah berkhidmat sebagai ketua pentadbiran presiden serta dilihat mempunyai peluang yang cerah untuk menjadi presiden.

Pada peringkat serantau, Kazakhstan menjadi medan penting terhadap Rusia untuk menunjukkan kekuatannya sebagai kuasa serantau yang tidak boleh dipandang rendah.

Kazakhstan merupakan negara Asia Tengah yang memiliki ekonomi terbesar dengan kekayaan sumber asli dan uranium. Kelebihan inilah yang telah berjaya menarik ratusan bilion dolar dalam bentuk pelaburan asing sejak Kazakhstan memperoleh kemerdekaan.

Dalam usaha dunia beralih kepada tenaga bersih, uranium menjadi sumber penting dan hal ini meletakkan Kazakhstan sebagai negara pengeluar uranium utama di dunia.

Berada pada kedudukan kesembilan dalam kalangan negara pengeksport minyak, Kazakhstan mengeluarkan kira-kira 85.7 juta tan minyak pada tahun 2021 dan menjadi negara pengeluar arang ke-10 utama dunia.

Kazakhstan juga menjadi laluan perhubungan penting dalam pasaran besar dan pantas antara China dengan Asia Selatan dan Rusia dengan Eropah melalui rangkaian jalan raya, landasan kereta api dan pelabuhan Laut Kaspia.

Dari segi Inisiatif Jalur dan Laluan (BRI) yang dilancarkan oleh China, Kazakhstan menjadi penghubung pada projek perdagangan kuasa ekonomi dunia itu.

Dari segi ekonomi dan perdagangan, Kazakhstan lebih cenderung kepada China bagi memastikan kepentingannya tidak tergugat, malah terus meningkat dan bertambah.

Walau bagaimanapun, berdasarkan kejayaan Rusia membantu Kazakhstan menghadapi protes rakyat, hal ini bukan sahaja dilihat memberikan kelegaan kepada pemerintah tetapi juga mengukuhkan kedudukan Moscow sebagai pelindung negara Asia Tengah yang berkuasa dan berkesan.